

Membela rakyat tanpa mengira kaum

Oleh FAUZIAH AROF
(WARTAWAN UTUSAN)

"JANGAN bimbanglah orangnya muda dan lawa," itulah jaminan Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu kepada pemberita beberapa hari sebelum pengumuman calon Barisan Nasional (BN) dibuat bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok yang bakal berlangsung minggu depan.

Memang benarlah seperti yang dikatakan oleh Samy Vellu, pada hari pengumuman calon BN di Ijok kelmarin, ramai sudah dapat mengagak siapa calonnya sejurus selepas K. Parthiban memasuki dewan bersama Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan beberapa pemimpin lain.

Beliau yang berusia 38 tahun dan merupakan Setiausaha MIC Bahagian Tanjung Karang itu tidak lokek dengan senyuman sekali gus memperlihatkan air muka sebagai seorang pemimpin yang berwibawa.

Apabila diumumkan sebagai calon, tanpa rasa gugup dan dengan bahasa Malaysia yang fasih beliau berucap penuh yakin serta mendapat sorakan gembira daripada kira-kira 2,000 penyokong yang memenuhi dewan.

Berikut adalah temu bual dengan Pegawai Khas Ahli Parlimen Tanjung Karang itu yang disandarkan harapan oleh BN untuk menang dan mendapat majoriti lebih besar pada pilihan raya kecil Ijok, 28 April ini.



K. PARTHIBAN

UTUSAN: Bagaimana penerimaan penduduk terhadap anda sebagai calon BN?

PARTHIBAN: Mereka dapat menerima kerana saya bukan asing di sini. Saya adalah anak tempatan seperti yang mereka mahukan sebelum ini untuk dijadikan calon.

Saya pernah menjadi guru di beberapa

buah sekolah di Kuala Selangor, menjadi pegawai Ko-Akademik di Pejabat Pelajaran Kuala Selangor, bergiat dalam MIC dan beberapa persatuan di sini termasuk Naib Presiden Majlis Belia Kuala Selangor.

Saya sudah biasa dan dekat dengan mereka. Saya juga ahli majlis di daerah ini, saya tahu masalah mereka.

UTUSAN: Memegang amanah sebagai calon BN, apa janji anda kepada penduduk Ijok?

PARTHIBAN: Saya tidak mahu berjanji yang hebat-hebat kepada mereka. Saya belum pun membuat sebarang janji. Apa yang boleh saya katakan, saya akan meneruskan perancangan pembangunan yang telah dijanjikan oleh pemimpin BN sebelum ini.

Saya terharu dengan kepercayaan yang diberikan oleh Menteri Besar dan Presiden MIC meletakkan saya di sini. Maka saya tidak akan mempersia-siakan kepercayaan yang diberikan mereka.

Sudah pasti saya akan bekerja keras untuk membantu penduduk dan terus meletakkan BN sebagai sebuah parti yang menjadi kepercayaan dan pelindung rakyat.

UTUSAN: Kebanyakan pengundi di sini adalah Melayu, adakah anda bimbang kurang sokongan?

PARTHIBAN: BN mempunyai tradisi

membela rakyat tanya mengira kaum, agama dan budaya. Saya amat berpegang kepada prinsip itu.

Orang Melayu juga memberi sokongan kepada pemimpin MIC di sini sebelum ini dan saya amat yakin sokongan tersebut akan berterusan.

SOALAN: Bagaimana anda akan berhadapan dengan calon pembangkang?

PARTHIBAN: Saya tidak gentar siapa lawan saya nanti. Jika Pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor ingin bertanding dalam pilihan raya ini, saya terima tanpa ada rasa takut.

SOALAN: Pihak pembangkang sudah pasti akan mencari kelemahan anda, bagaimana anda akan menghadapi perkara itu dalam kempen pilihan raya kecil nanti?

PARTHIBAN: Jika mereka hendak cari keburukan, carilah. Saya tidak rasa terganggu kerana percaya tidak ada isu yang boleh mengaitkan saya dengan perkara yang buruk-buruk.

Memang memburuk-burukkan BN adalah mainan pembangkang, jadi saya sudah bersedia.

Sehubungan itu, saya meminta kepada semua tolonglah, bantulah saya. 'Saya' itu bukan bermaksud untuk diri sendiri tetapi bermaksud BN. Kita semua mahu BN kekal di sini.